

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)64

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

64. Apakah langkah segera yang diambil bagi memastikan perkhidmatan pembersihan pebetungan tidak terganggu akibat *Sewer Cleaning Vehicle* (SCV) yang rosak, terutamanya di kawasan perumahan yang sering menghadapi masalah limpahan najis?
- (a) Berapakah kos tahunan bagi penyelenggaraan dan operasi SCV?
 - (b) Adakah terdapat sebarang rancangan untuk meningkatkan kecekapan kos?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

64. *Sewer Cleaning Vehicle* (SCV) digunakan untuk membersihkan paip pebetungan saiz besar yang berdiameter lebih daripada 300mm (milimeter). Manakala, untuk paip pebetungan berdiameter kurang daripada 300mm, kaedah manual (*sewer rodding*) digunakan untuk kerja-kerja pembersihan.

Indah Water Konsortium (IWK) bertanggungjawab untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan paip pebetungan awam

yang terletak di kawasan awam dan menyalurkan air kumbahan dari kawasan tersebut ke loji rawatan. Manakala, penyelenggaraan dan pembaikan bagi paip pembetulan yang terletak di dalam kawasan persendirian adalah di bawah tanggungjawab pemilik hartanah/ premis tersebut.

Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan pembersihan sistem pembetulan awam tidak terjejas akibat sebarang kerosakan pada SCV, IWK komited dalam memastikan semua kenderaan sentiasa berada dalam keadaan berfungsi melalui penyelenggaraan berkala dan penjagaan rapi serta pembaikan segera bagi sebarang kerosakan.

Di samping itu, IWK juga mempunyai sistem sokongan daripada Unit Operasi IWK Negeri yang berdekatan untuk bantuan perkhidmatan SCV sekiranya terdapat keperluan. Berdasarkan ketersediaan kenderaan SCV dan perkhidmatan sokongan ini, semua aduan berkaitan sistem pembetulan dapat diselesaikan mengikut tahap perkhidmatan *level of service* yang telah ditetapkan.

- (a) Kos penyelenggaraan SCV bergantung kepada jenis, usia dan kekerapan penggunaan SCV tersebut. Secara purata, kos tahunan bagi penyelenggaraan sebuah SCV adalah sebanyak RM40,000.00 setahun. Kos ini merangkumi kerja penyelenggaraan berkala sebanyak empat (4) kali setahun bagi casis (chasis) dan badan SCV, pembaikan komponen, penukaran alat ganti, penukaran tayar serta lain-lain komponen SCV tersebut.
- (b) IWK sentiasa melaksanakan tindakan-tindakan yang berkaitan untuk mengoptimumkan kos operasi perkhidmatan. Ini termasuklah penyelenggaraan SCV secara berjadual supaya kerosakan besar atau luar jangka dapat dielakkan. IWK turut memastikan SCV yang tidak berhemat dibaiki (beyond economic repair), kerap mengalami kerosakan atau memerlukan kos pembaikan yang tinggi adalah diganti. Berkaitan itu, IWK mempunyai perancangan untuk menggantikan sebuah SCV sedia ada di bawah operasi IWK di Seberang Perai dengan unit yang baharu.